

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OKTOBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 11

## Karnival berjaya tingkat kefahaman kepentingan statistik

### Karnival berjaya tingkat kefahaman kepentingan statistik

**SUNGKAI** - Penganjuran Karnival Statistik sempena Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2022 dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) selama tiga hari di ILSM di sini mencapai sasaran.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, karnival yang bermula pada 20 Oktober lalu berjaya meningkatkan momentum kefahaman orang ramai terhadap kepentingan statistik.

Menurutnya, bersesuaian dengan tema Statistik Nadi Kehidupan, Jabatan Perangkaan Malaysia mahu sebarang keputusan yang dibuat mengikut statistik dikeluarkan.

"Orang ramai sudah sedar bahawa statistik ini adalah perkara yang dekat dengan mereka. Jadi dengan tema Statistik Nadi Kehidupan, kita nak supaya orang ramai mengetahui bahawa ketidaktentuan itu dapat dikurangkan bila kita kaji statistik.

"Maknanya kita tahu kehidupan ini ada trend, jadi dengan itu kita boleh buat jangkaan bahkan peniaga dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai contoh boleh menggunakan statistik untuk merancang perniagaan," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penutup Karnival Statistik 2022 di ILSM di sini pada Sabtu.

Menurut Mohd Uzir, statistik memainkan peranan besar dalam menguruskan kehidupan serba mencabar ketika ini kerana tahap persaingan perlu lebih cepat. Sementara itu, beliau berkata, lebih




Mohd Uzir (depan, tengah) bergambar bersama warga Jabatan Perangkaan dan pihak yang terlibat menjayakan Karnival Statistik sempena HSN 2022 dan Sedekad ILSM di Sungkai pada Sabtu.

5,000 pengunjung hadir ke karnival berkenaan yang memberi peluang kepada mereka mendapatkan maklumat mengenai statistik dan mengetahui peranan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Selain itu, Mohd Uzir berkata, terdapat ruang pameran terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk usahawan yang terlibat mempromosikan produk masing-masing.

Katanya, acara kemuncak karnival ialah Forum Perdana Ehwal Islam yang menampilkan keberangkatan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

"Pihak jabatan merakamkan penghargaan tinggi kepada semua yang terlibat menjayakan karnival ini," ujarnya.



Mohd Uzir (dua dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada rakan-rakan strategik dan pempamer pada Majlis Penutup Karnival Statistik 2022 di ILSM, Sungkai pada Sabtu.